

Warga IPT wajar fahami misi univ

B.H m/s 8 8.10.07

Oleh Mohd Hilmi Ramli

BAHANG pilihan raya kampus sesi 2007/08 sudah reda. Isu demokrasi kampus, penipuan, pengundi hantu, pembukaan semula pencalonan, kempen ala gerila, fitnah memfitnah antara satu sama lain dan pelbagai lagi budaya politik luar telah menyerap politik kampus.

Memang, budaya pilihan raya yang sifatnya 'zero sum game' telah membelah kepada kelompok menang dan kelompok kalah secara total. Yang menang terus menang menerajui kepemimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, manakala yang kalah mencari ruang untuk menyumbang, itu pun kalau mahu.

Namun demikian, kita harus sedar bahawa pilihan raya kampus adalah bahagian daripada episod manis, pahit, suka dan duka dalam kehidupan mahasiswa. Rasanya dangkal jika mahasiswa tidak menyertai secara langsung atau membutuhkan mata dan memekakkan telinga mengenai pilihan raya kampus. Politik kampus menjadi medan latihan untuk menjadi pemimpin. Namun, kita juga harus insaf, bahawa politik tidak mampu menyelesaikan segala-galanya.

Mahasiswa perlu melihat dimensi yang abadi dan kekal dalam universiti itu. Pilihan raya kampus adalah latihan yang datang setahun sekali. Malah sifatnya tidak kekal, akan mengalami perubahan mengikut keadaan. Apa yang lebih penting ialah peranan mahasiswa menghidupkan

budaya ilmu secara serius dalam universiti. Ini kerana, berdasarkan pengalaman sejarah, tiada langsung kitab atau buku yang merakamkan episod pemilihan perwakilan pelajar dalam sesebuah universiti!

Yang ada ialah penceritaan mengenai keagungan dan kegemilangan universiti yang mampu melahirkan ilmuwan, cendekiawan, intelektual dan tokoh masyarakat ulung. Hakikatnya ini perlu disedari jika kita benar merujuk dan menghayati budaya membaca.

Apabila mengatakan budaya ilmu, rasanya tidak terlambat untuk dikaitkan dengan Pelan Pengajian Tinggi (KPT) yang dilancarkan September lalu. Ini kerana pelan ini berupaya membangkitkan semangat menghidupkan budaya ilmu secara terusun, sekiranya aspek pembinaan manusia yang 'kully' atau universal dapat diwujudkan.

Usaha kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan pelan strategik ini memang baik bagi memastikan pengajian tinggi berada di landasan kukuh untuk menterjemah hala tuju pengajian tinggi negara masa hadapan. Apatah lagi KPT melalui pelan tindakan ini mahu menekankan pembangunan modal insan minda kelas pertama bagi mendukung dan menjayakan aspirasi negara untuk menjadi makmur, maju dan kompetitif.

Sebelum itu pun, Kementerian Pelajaran telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang ber-

tujuan memperkasa pendidikan peringkat rendah.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) akan terus menyokong usaha bagi menaik taraf kualiti pendidikan sekolah, menumpukan kepada pembangunan sekolah luar bandar dan merapatkan jurang pendidikan antara kaum. PKPIM akan terus menyatakan pendirian bersedia membantu dalam proses meletakbetulkan (reposition) dan rekayasa (reengineer) sistem pendidikan kebangsaan kita supaya berkualiti dan berjaya mengikut acuan sendiri.

Dalam konteks Pelan Strategik KPT yang positif, pelan ini seolah-olah mahu mengembalikan autoriti ilmu kepada pentadbiran. Pelan ini menyatakan bahawa; untuk menjadi sebuah universiti apex yang maju dan gemilang di mana Naib Canselor dipilih secara terbuka tanpa mengira apa-apa sentimen sekalipun.

Namun, tidak terlintas langsung bahawa gerakan yang kita cintai ini cenderung kepada menghalang usaha murni kerajaan itu. Kalau ada pun seakan-akan mengkritik, itu nanti seharusnya dinilai sebagai cadangan bagi menambah nilai yang sedia ada. Anggaplah saja sebagai cadangan anak kepada ibu atau bapa bagi menguat dan memperkukuh keluarga besar negara yang kita cintai ini.

Ada beberapa kekeliruan pada masa ini mengenai fungsi sebenar sesebuah universiti. Apakah sekadar akan melahirkan manusia profesional yang hanya bersama akan

versiti

membantu membangun negara? Atau hanya melahirkan graduan yang ingkar upaya untuk bersama-sama masyarakat? Atau akan melahirkan generasi yang hanya cerdik pandai tapi mungkir pada bakti?

Hal ini menyebabkan ilmuan tersohor bersuara dalam puisinya seakan-akan membentak terhadap beberapa kekeliruan yang masih kuat mencengkam kita. Antara bait puisi itu ialah;

Jika ibu bapa hanya pintar melahirkan anak

Jika pelajar hanya mahu lulus periksa dan cari kerja

Jika guru, pensyarah kehilangan arah, ilmu terpaku di dada ijazah

Jika peniaga bermain politik dan bertuhankan laba

dan ahli politik memperniagakan segala prinsip dan akhlak

Jika cendekiawan cuma mengikut dan membuat komen

Adam akan menyesal dan iblis akan ketawa besar.

Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud juga selain melalui puisi itu sering kali menyatakan bahawa bagi melahir dan menjamin kebahagiaan, kemakmuran dan kemajuan negara, kita mestilah banyak melabur dalam bidang pendidikan insan. Pembangunan negara yang terbaik bagi sesuatu bangsa, bukan hanya banyak melahirkan graduan dari universiti, tetapi boleh terlaksana apabila kualiti insan yang dilahirkan dari universiti berkenaan. Tentu saja Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas pernah menyebut bahawa universiti adalah tempat melahirkan insan yang tinggi nilai adabnya.

Malangnya, aliran pendidikan masa kini sejak dua kurun lalu tidak cenderung dengan agama. Yang ada hanya menonjolkan kejayaan pandangan alam sekular dan falsafah kebendaan. Tambah parah lagi, pada 1998, Persidangan Pendidikan Tinggi Sedunia anjuran Unesco malah turut mencerminkan sikap yang keliru dan mengengahkakan pendekatan bersifat sekular apabila ia sama sekali tidak mengiktiraf agama sebagai asa kepada pendidikan.

Alasannya kewujudan perbezaan agama boleh menyebabkan pelbagai sengketa dalam sejarah manusia. Walhal, sengketa yang wujud antara agama terjadi bila ada golongan melampau dan cenderung menyalahkan orang lain seperti neo-khawarij. Bukan golongan pelampau agama saja yang menimbulkan sengketa. Ia juga terjadi disebabkan perbezaan kepertaian yang kian enak menakluk IPT.

Oleh itu, seharusnya universiti menjadi tempat melatih kita menjadi insan al-kulli atau pun menjadi manusia yang universal. Yang memahami tugas dan tanggungjawab.

Malah, tidak kita lupakan juga bahawa pilihan raya kampus yang dicemari taktik kotor dan tidak bermaruah juga sebenarnya cerminan warga universiti dan masyarakat awam keseluruhannya yang masih tidak memahami hakikat penubuhan universiti dan peranannya.